

21 NOV 2002

JAMALUDIN-PEJABAT/I

JAMALUDIN MASUKI PEJABAT BARU DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 21 Nov (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua yang baru dilantik Datuk Dr Jamaludin Jarjis memasuki pejabat barunya di sini, hari ini, dan diberi sambutan oleh pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang diketuai Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy tengah hari tadi.

Terdahulu sebelumnya, Jamaludin menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan dan menerima beberapa panduan bagi melaksanakan tanggungjawab barunya.

"Saya baru balik daripada menemui beliau (Perdana Menteri) dan beliau telah memberikan beberapa garis panduan bagi tugas saya sebagai Menteri Kewangan Kedua," katanya pada sidang media di pejabatnya.

Jamaludin berkata beliau akan berusaha untuk mengeratkan lagi semangat ikatan kekeluargaan di kalangan kakitangan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata telah menjadi hasrat Perdana Menteri untuk melihat semangat seperti itu terus diperkukuhkan lagi.

Melahirkan penghargaannya terhadap keyakinan Dr Mahathir yang melantiknya sebagai Menteri Kewangan Keduanya, bekas pengerusi Tenaga Nasional Bhd itu berkata beliau akan membantu Perdana Menteri mentadbir kewangan negara.

Jamaludin juga berharap kakitangan Kementerian Kewangan dapat bekerjasama dalam memastikan kejayaan matlamat negara untuk mengukuhkan kewangan dan ekonomi negara di tengah-tengah senario penurunan ekonomi global ketika ini. -- BERNAMA

MAD MR SD ZK